

Kerajaan komited bangun semula kawasan 'comot' jejas imej bandar

Kuala Lumpur: Kerjasama antara kerajaan, swasta dan penduduk termasuk Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) adalah strategi terbaik bagi membangunkan semula kawasan usang di bandar, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, ia adalah strategi serampang empat mata yang berupaya mengubah kawasan 'comot' di Kuala Lumpur sebagai kediaman selesa, kondusif dan terancang.

"Harapan saya adalah inisiatif dilakukan kerajaan ini akan memberi impak positif kepada rakyat.

"Kerajaan sentiasa memahami masalah dialami rakyat khususnya berkenaan masalah perumahan.

"Jalan penyelesaian yang baik ialah melalui inisiatif pembangunan semula kawasan sedia ada dengan kerjasama pihak swasta, kerajaan dan penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penyerahan Kunci 1Razak Mansion, yang dibangunkan semula oleh Impianika Development Sdn Bhd di Sungai Besi, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri

Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz; Ketua Pengarah UKAS, Datuk Ahmad Husni Hussain dan Pengerusi Eksekutif Impianika Development Sdn Bhd, Datuk Seri Jeff BK Lee.

Setuju dan percaya

Najib berkata, beliau gembira dengan penduduk di perumahan berkenaan kerana sebulat suara bersetuju dan percaya kepada pembangunan semula Perumahan Awam 1Razak Mansion dengan tidak mengheret ke mahkamah.

"Terima kasih kepada semua penduduk dan pemaju yang berjaya berunding dengan baik sehingga membolehkan projek ini dilaksanakan dan disiapkan sembilan bulan lebih awal daripada jangkaan tiga tahun," katanya.

Perumahan ini dekat di hati Najib kerana bapanya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pernah menjejakkan kaki di sini merasmikan Kawasan Perumahan Awam Razak Mansion 50 tahun lalu.